



SOALAN LAZIM MENGENAI PEMBAYARAN GERAN KHAS PRIHATIN (GKP) 4.0 FASA 1

1. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya status pembayaran GKP 4.0 Fasa 1 adalah Gagal Kredit?

Sekiranya status pembayaran adalah Gagal Kredit, pemohon perlu mengemaskini maklumat Akaun Bank Simpanan Peribadi atau Akaun Bank Semasa Peribadi di menu Kemas kini No. Akaun pada portal rasmi GKP (<https://gkp.hasil.gov.my/>).

Akaun bank yang dikemaskini hendaklah Akaun Bank Peribadi atas nama pemohon GKP (bukan akaun bank perniagaan), berstatus aktif dan berdaftar menggunakan nombor kad pengenalan baharu pemohon. Pastikan juga nombor akaun bank yang dimasukkan adalah nombor akaun yang boleh digunakan bagi tujuan pengkreditan.

2. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya tidak mempunyai akaun bank selain dari akaun bank yang telah saya daftarkan pada permohonan GKP sebelum ini?

Pemohon dikehendaki untuk membuat pengesahan dengan pihak bank berkaitan status aktif akaun bank tersebut dan akaun bank itu adalah Akaun Bank Peribadi atas nama pemohon GKP (bukan akaun bank perniagaan).

Pemohon juga digalakkan membuka akaun bank baharu (Akaun Bank Peribadi atas nama pemohon GKP) bagi mengelakkan masalah gagal kredit berulang.

3. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya gagal mengemukakan akaun bank simpanan / semasa untuk pembayaran semula GKP 4.0 Fasa 1?

Pemohon perlu mempunyai akaun bank simpanan / semasa kerana pembayaran semula GKP 4.0 Fasa 1 hanya dikreditkan kepada penerima yang mempunyai akaun bank yang aktif sahaja.

4. Bilakah tarikh kemas kini maklumat akaun bank boleh dilakukan?

Tarikh kemas kini maklumat akaun bank boleh dibuat pada portal rasmi GKP (<https://gkp.hasil.gov.my/>) mulai 07 Oktober 2021 sehingga 21 Oktober 2021.

5. Bilakah pembayaran semula GKP 4.0 Fasa 1 akan dilakukan bagi status Gagal Kredit?

Tarikh sebenar pembayaran semula kepada penerima yang berstatus Gagal Kredit GKP 4.0 Fasa 1 akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui portal rasmi GKP.

- 6. Sekiranya pembayaran GKP 4.0 Fasa 1 berstatus gagal kredit dan saya baru sahaja mengaktifkan Akaun Bank Simpanan Peribadi atau Akaun Bank Semasa Peribadi tersebut, adakah saya perlu membuat kemas kini akaun bank dalam tempoh yang ditetapkan?**

Ya. Pemohon perlu membuat kemas kini maklumat akaun bank dalam tempoh yang ditetapkan dengan memasukkan maklumat akaun bank terkini yang berstatus aktif bagi tujuan pembayaran semula bantuan.

- 7. Sekiranya status pembayaran GKP PERMAI / GKP 3.0 / GKP PEMERKASA+ saya juga turut berstatus Gagal Kredit sebelum ini, adakah saya juga turut akan menerima pembayaran semula GKP PERMAI / GKP 3.0 / GKP PEMERKASA+ berkenaan?**

Pembayaran semula yang akan dilakukan adalah terhadap kepada program GKP sepanjang tahun 2021 sahaja.

- 8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya mempunyai sebarang pertanyaan mengenai status pembayaran GKP 4.0 Fasa 1?**

Sebarang pertanyaan mengenai status pembayaran GKP boleh hubungi Hotline BKK LHDNM: 1-800-88-2747 / Hotline MOF: 03-8882 4565 / 03-8882 4566.

Disediakan pada 06 Oktober 2021